

23/10/1998

Naskhah pelan tindakan dijual

JOHOR BAHRU, Khamis - Orang ramai yang ingin mendapatkan naskhah Pelan Tindakan Pemulihan Ekonomi Negara boleh membelinya di pejabat Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Datin Halimah di sini.

Pengurus Cawangannya, Mashkor Masduki berkata, naskhah itu dijual dengan harga RM20 setiap satu.

Sementara itu, naskhah Laporan Ekonomi 1998/1999 akan dijual kepada orang ramai di tempat yang sama. Harga setiap naskhah ialah RM50.

Bagaimanapun, katanya, naskhah itu belum diterima dan dijangka sampai dalam tempoh sehari dua lagi selepas ucapan belanjawan.

Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan ucapan Belanjawan Negara 1999 di Parlimen esok, jam 4 petang.

(END)